

SH 6/5/19 · 16 nelayan didenda RM1.5 juta m/s 21

KUALA TERENGGANU-Seramai 16 nelayan warga Vietnam dikenakan hukuman denda sebanyak RM1.5 juta di Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu semalam kerana cuba menangkap ikan di perairan negara tanpa kebenaran.

Tekong, Nguyen Thanh Tung, 36, dikenakan denda RM600,000 atau dua tahun penjara manakala 15 awak-awaknya berusia antara 21 hingga 50 tahun didenda RM60,000 atau setahun penjara setiap seorang selepas didapati bersalah.

Mengikut pertuduhan, mereka didakwa cuba menangkap ikan di perairan Malaysia dengan menggunakan pukut tunda tanpa kebenaran.

Kesemua mereka didakwa melakukan kesalahan itu pada jarak lebih kurang 78.2 batu nautika dari Kuala Terengganu kira-kira jam 7.50 malam pada 15 Ogos tahun lalu.

Dengan itu, mereka didakwa mengikut Seksyen yang dibaca bersama Seksyen 24(1) akta sama dan Seksyen 34 Kanun Keseksaan boleh dihukum mengikut Seksyen 25(a) Akta Perikanan 1985, dibaca

bersama Seksyen 52(1)(i) dan (ii) akta yang sama.

Mahkamah turut mengarahkan vesel, peralatan komunikasi, navigasi, peralatan menangkap ikan serta hasil tangkapan laut dilucut hak kepada Kerajaan Malaysia.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Mohamad Afiq Taqjudin Roslan di hadapan Hakim Azman Mustapha manakala kesemua tertuduh diwakili peguam bela Suhaimi Ismail Zainy & Partners.